

0854

U 8805 DEB
MT-SABAH

KUALA LUMPUR, 7 FEB (BERNAMA) -- MAJLIS TERTINGGI UMNO YANG BERSIDANG HARI INI MENGESAHKAN PENUBUHAN UMNO SABAH SERTA MEMBUKA KEANGGOTAANNYA KEPADA PARA ANGGOTA USNO DAN MANA-MANA KAUM BUMIPUTERA DI SANA TANPA MENGIRA AGAMA, KATA PRESIDEN UMNO DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

BAGAIMANAPUN, MEREKA YANG BUKAN ISLAM, UNTUK MENJADI ANGGOTA, MESTILAH MENERIMA SEGALA DASAR DAN PERLEMBAGAAN PARTI TERLEBIH DAHULU, KATANYA PADA PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MT UMNO DI IBU PEJABAT UMNO, DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA USNO +AKAN TERUS DIKEKALKAN DI SABAH ATAS SEBAB-SEBAB TERTENTU.+ BAGAIMANAPUN, BELIAU TIDAK MENJELASKAN SEBAB-SEBABNYA.

SEBELUM INI BEBERAPA KUMPULAN DI SANA, IAITU USNO, SEKUMPULAN PENDUDUK SABAH DI BAWAH PIMPINAN DATUK MOHAMED DUN BANIR, PARTI MOMOGUN DAN PARTI BERSEPADU MENYATAKAN KEINGINAN MENYERTAI UMNO.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERKATA SEBUAH JAWATANKUASA PENAJA DITUBUHKAN DI SANA DENGAN DIANGGOTAI OLEH ANGGOTA USNO, DATUK MOHAMED DUN DAN DATUK PADUKA OSMAN RAOF. -- LAGI.
1643MST 07 02 87

U 8810 DEB
MT-SABAH 2 KUALA LUMPUR

CARA-CARA KEMASUKAN MEREKA YANG BERMINAT AKAN DIURUSKAN OLEH JAWATANKUASA PENAJA ITU JUGA DENGAN DIBANTU OLEH NAIB PRESIDEN UMNO ENCIK GHAFAR BABA DAN BEBERAPA ANGGOTA LAIN MAJLIS TERTINGGI.

MENGENAI KEANGGOTAAN ANGGOTA USNO DALAM UMNO PULA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA IA AKAN DIBUAT BERDASARKAN SENARAI NAMA MEREKA YANG BERMINAT DAN BUKAN SECARA KEMASUKAN BERAMAI-RAMAI.

MENURUTNYA, USNO AKAN MENGEMUKAKAN SENARAI NAMA ANGGOTANYA BERSERTA TANDATANGAN MEREKA UNTUK DITELITI SEBELUM DITERIMA MENGANGGOTAI UMNO.

MESYUARAT-MESYUARAT UNTUK MENUBUHKAN CAWANGAN-CAWANGAN UMNO DI SANA AKAN DIADAKAN DAN MEREKA YANG TIDAK TERCATAT NAMANYA DALAM SENARAI ITU TETAPI BERDAFTAR UNTUK MENGANGGOTAI UMNO BOLEH MENGHADIRINYA, KATANYA.

SEMENTARA ITU, SETIAUSAHA AGUNG UMNO DATUK SERI SANUSI JUNID BERKATA IBU PEJABAT UMNO AKAN MENGUNDANG ANGGOTA-ANGGOTA UMNO SABAH UNTUK MENJADI PEMERHATI PADA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO, APRIL INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGUMUMKAN PENUBUHAN SEBUAH KELAB UMNO SEBERANG LAUT YANG BARU DI CALIFORNIA UTARA. -- BERNAMA.
1654MST 07 02 87